

04/04/2002

S M Salim harap pertemuan dengan PM beri sinar baru

PADA usia menjangkau 73 tahun, anak seni sejati Tan Sri S M Salim masih menangis mengenangkan nasib industri hiburan angkara cetak rompak.

Kini, apa yang diharapkan ialah pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka minggu ini, membuahkan hasil dan memberi sinar baru kepada hala tuju industri hiburan.

Pertemuan itu sekali gus memberi harapan kepada masa depan artis tempatan.

S M Salim yang juga Pengerusi Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (Gema) berharap pertemuan itu dapat menyampaikan hasrat artis dan karyawan seni tanah air untuk mendapat pembelaan daripada gejala lanun cetak rompak.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pertemuan berkenaan.

Gema adalah jawatankuasa yang ditubuhkan 6 November 2001 oleh artis rakaman, penerbit album, komposer, penulis lirik dan pengurus artis rakaman.

S M Salim berkata, industri muzik tempatan kini menghadapi saat kritikal akibat cetak rompak.

"Kegiatan itu mengancam industri muzik kita dan perlu diselesaikan segera sebelum terlambat.

"Lanun cetak rompak, mencuri hasil seni dan penat lelah penyanyi, komposer, penulis lirik, pemuzik dan pihak penerbitan.

"Mereka menyamun hasil kerja pihak lain dan mencetaknya ke plastik dan menjualnya kepada orang ramai.

"Kegiatan itu menyebabkan industri muzik mengalami kemerosotan, termasuk ada syarikat terpaksa mengecilkan saiz operasi atau menutup bahagian album tempatan.

"Keadaan itu menyebabkan pengangguran di kalangan artis, produser dan pemuzik," katanya.

S M Salim berkata, lanun cetak rompak bukan peniaga kecil-kecilan, sebaliknya sebahagian daripada sindiket jenayah terancang, malah berani mencabar dan mengugut pegawai kerajaan.

(END)